

LEMBARAN MAKLUMAT PROGRAM

Tarikh : (Untuk diisi oleh Cawangan)

(Sila baca dan fahami Lembaran Maklumat Program ini bersama-sama dengan terma-terma dan syarat-syarat bagi Program ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon atau menerima tawaran PEMULIH NewBiz)

Dapatkan penjelasan daripada Agrobank ('Bank') jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dalam dokumen ini atau terma-terma umum.

1. Apakah Program ini?

Program pembiayaan yang ditawarkan kepada individu yang terkesan dengan keadaan ekonomi semasa bagi tujuan memulakan perniagaan mikro berasaskan makanan. Kemudahan pembiayaan ini melibatkan pembelian aset (CAPEX) dan input pengeluaran (OPEX) kepada aktiviti perniagaan yang ditetapkan seperti berikut ;

- i. Pengedaran dan penghantaran makanan melalui platform e-hailing seperti *Food Panda*, *Grab Food*, dan seumpama dengannya;
- ii. Menjalankan aktiviti perniagaan di rumah (*home-based*) yang melibatkan aktiviti seperti berikut :
 - a. Pengedaran dan penghantaran makanan termasuk pembelian bahan mentah, mesin dan pembelian motorsikal yang bersesuaian dengan keperluan aktiviti tersebut.
 - b. Pemprosesan dan penyediaan makanan atau bahan asas bagi menyediakan makanan sebelum dihantar ke tapak atau mana-mana premis perniagaan yang dibenarkan.
 - c. Menjalankan aktiviti perniagaan di gerai yang berlesen seperti gerai burger atau mana-mana yang seumpama dengannya.

2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

Program ini mengguna pakai transaksi konsep *Tawarruq*, Murabahah dan Wakalah di mana konsep *Tawarruq* sebagai struktur utama akad. *Tawarruq* merujuk kepada kontrak membeli komoditi daripada pihak pembekal komoditi, kemudian Bank Pertanian Malaysia Berhad (Bank) menjual komoditi tersebut kepada pelanggan ditambah keuntungan secara bayaran tertangguh. Pelanggan kemudian menjual aset tersebut kepada pihak ketiga dengan harga kos melalui pihak Bank sebagai wakil. satu bentuk transaksi yang terdiri daripada dua kontrak jual beli di mana transaksi pertama melibatkan penjualan Komoditi secara Murabahah oleh penjual (Bank) kepada pembeli (Pelanggan) pada Harga Belian (jumlah pembiayaan yang diluluskan) dicampur dengan jumlah keuntungan Bank dengan bayaran secara tertangguh, dan kemudiannya Pembeli (Bank sebagai wakil Pelanggan) pada transaksi jualan yang pertama akan menjual Komoditi tersebut kepada pihak ketiga (Pembeli Komoditi) secara tunai. Melalui pembiayaan ini, pihak Bank akan membeli komoditi (minyak sawit mentah atau apa-apa komoditi yang dinasihatkan oleh pembekal komoditi) daripada pembekal komoditi dengan harga kos (berdasarkan kepada amaun pembiayaan). Kemudiannya, pihak Bank menjual komoditi tersebut kepada pelanggan secara Murabahah iaitu harga kos ditambah keuntungan dengan bayaran tertangguh. Seterusnya, pihak pelanggan melantik Bank sebagai wakil untuk menjual komoditi tersebut pada harga kos secara tunai kepada pihak ketiga. Hasil jualan tersebut akan dikreditkan ke dalam akaun pelanggan sebagai amaun pembiayaan yang dikehendaki oleh pelanggan.

Komoditi yang diguna pakai bagi tujuan transaksi *Tawarruq* tertakluk kepada komoditi broker.

3. Apakah syarat kelayakan bagi Program ini?

- Merupakan individu yang hendak memulakan perniagaan mikro dengan menepati ciri-ciri khusus seperti berikut ;
- i. Warganegara Malaysia;
 - ii. Berumur di antara lapan belas (18) tahun (semasa permohonan) sehingga tujuh puluh (70) tahun (semasa tamat tempoh kemudahan pembiayaan);
 - iii. Individu yang terkesan dengan pandemik COVID-19 dan perubahan negatif ekonomi sepertimana berikut :
 - a. Individu yang hilang pekerjaan sejak dari Mac 2020 atau graduan universiti atau kolej yang telah menamat pengajian semenjak dari Mac 2020 dan sehingga kini masih manganggur atau belum memperolehi pekerjaan yang stabil;
 - b. Individu yang dikategorikan dalam golongan asnaf.

Nota :

- **Bagi perkara (a) , pemohon perlu mengemukakan surat pemberhentian kerja atau sijil graduasi.**
 - **Manakala perkara (b), pemohon perlu mengemukakan surat pengesahan dari JAWI atau JAKIM atau mana-mana Majlis/Jabatan Agama Islam Negeri**
- iv. Rekod CTOS atau mana-mana maklumat yang menunjukkan tiada sebarang tindakan undang-undang yang masih berkuatkuasa ke atas pemohon. **Manakala maklumat yang dinyatakan pada *Section E CTOS* adalah dikecualikan untuk diambilkira;**
 - v. Tidak disenarai hitam dalam *AMLA/CFT watchlist* atau mana-mana carian yang berkaitan;

4. Apakah yang akan saya dapat melalui tawaran daripada Program ini?

Program ini menawarkan kemudahan pembiayaan dengan ciri-ciri seperti berikut :

Had Kemudahan Pembiayaan	Secara kemudahan pembiayaan berperingkat (<i>Step up financing</i>) sepertimana berikut : <ol style="list-style-type: none"> i. Peringkat Pertama : Sehingga RM5,000.00 ii. Peringkat Kedua : Sehingga RM10,000.00 (mengambil kira baki kemudahan pembiayaan pada peringkat pertama) selepas dua belas (12) bulan dari tarikh kemudahan pembiayaan peringkat pertama dikeluarkan. iii. Selepas dua belas (12) bulan dari tarikh pengeluaran kemudahan pembiayaan peringkat kedua, pelanggan layak untuk memperolehi mana-mana kemudahan pembiayaan yang ditetapkan oleh Agrobank (MUS1M- / atau Term Financing- /) berdasarkan kriteria kelayakan yang ditetapkan. iv. Bagi kemudahan pembiayaan peringkat kedua, terma dan parameter kredit adalah dirujuk kepada PEMULIH Mikro Kredit.
Tempoh Kemudahan Pembiayaan	<ol style="list-style-type: none"> i. Tempoh minimum kemudahan pembiayaan adalah dua belas (12) bulan termasuk moratorium. ii. Sehingga 60 bulan termasuk 6 bulan moratorium.

Kadar Keuntungan	<p>i. 0% dalam tempoh enam (6) bulan pertama (iaitu dalam tempoh moratorium) dan bagi bulan ke-7 dan seterusnya kadar keuntungan dikenakan pada kadar 3% setahun.</p> <p>ii. Pengiraan keuntungan adalah berdasarkan baki bulanan.</p>
Tempoh Kemudahan Pembiayaan dan moratorium	Moratorium hanya layak bagi kemudahan pembiayaan peringkat pertama sahaja.

5. Apakah tanggungjawab saya?

- Melaksanakan akad untuk transaksi *Tawarruq*.
- Melaksanakan pembayaran bermula dari bulan ke-7 secara ansuran bulanan.
- Digalakkan untuk membuat pembayaran awal secara *advance payment* dalam tempoh moratorium iaitu bulan pertama hingga ke-6.
- Bayaran bulanan anda: RM _____
- Jumlah amaun yang perlu dibayar pada akhir tempoh _____ (tahun) ialah RM _____.

6. Apakah fi dan caj yang perlu dibayar?

- Fee dan kos yang melibatkan penyempunaan suratcara kemudahan pembiayaan seperti sumbangan takaful kredit, setem duti dan lain-lain kos yang berkaitan adalah ditanggung oleh pelanggan.
- Pelanggan **DIBENARKAN** untuk membuat pembayaran melalui wang pengeluaran kemudahan pembiayaan yang dikeluarkan.

Nota:

- Pihak Bank akan memaklumkan Pelanggan sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh pelaksanaan sekiranya terdapat sebarang perubahan pada fi dan caj yang berkaitan.
- Berkuatkuasa pada 1 Jun 2018, kadar Cukai Barangan dan Perkhidmatan (CBP) bagi kadar standard adalah 0%. Notis ini adalah digunapakai bagi semua produk dan perkhidmatan Agrobank.

7. Bagaimanakah sekiranya saya gagal memenuhi tanggungjawab yang diperuntukkan?

- Bank berhak mengenakan dan menuntut ganti rugi (Ta'widh) daripada Pelanggan ke atas kerugian yang dialami oleh pihak Bank akibat Pelanggan lewat/gagal membayar ansuran, baki Harga Jualan atau apa-apa jumlah bayaran tertunggak yang kena dibayar kepada pihak Bank dikira dari tarikh bayaran sepatutnya dibayar sehingga pembayaran sepenuhnya berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia berpandukan kepada resolusi Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia seperti mana berikut:
- Sebelum tarikh matang, Ta'widh yang dikenakan adalah pada kadar 1% setahun ke atas jumlah bayaran tertunggak dikira secara harian.
- Selepas tarikh matang, Ta'widh yang dikenakan adalah pada kadar Islamic Interbank Money Market (IIMM) ke atas keseluruhan jumlah prinsipal terhutang seperti mana yang ditetapkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia berpandukan kepada resolusi Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia.
- Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya pelanggan gagal untuk mematuhi notis peringatan yang diberikan oleh pihak Bank.

8. Bagaimanakah sekiranya saya menyelesaikan hutang kemudahan pembiayaan sebelum tempoh matang?

Rebat (*Ibra'*) akan diberikan kepada pelanggan berdasarkan formula semasa yang tertera, sekiranya berlaku salah satu keadaan (tetapi tidak terhad kepada) berikut:

- i. Pelanggan membuat penjelasan awal, penebusan awal atau membuat bayaran awal sebelum tarikh matang kemudahan pembiayaan;
- ii. Pelanggan membuat penjelasan kemudahan pembiayaan asal disebabkan pelaksanaan penstrukturan kemudahan pembiayaan;
- iii. Penjelasan oleh Pelanggan dalam kes kemungkiran yang mana walaupun Pelanggan mungkir, Pelanggan kemudiannya membuat bayaran keseluruhan Keterhutangan di bawah kemudahan pembiayaan sebelum tarikh matang;
- iv. Penjelasan oleh Pelanggan disebabkan pembatalan atau penamatan kemudahan pembiayaan sebelum tarikh matang.

Formula untuk pengiraan *Ibra'* adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned} Ibra' (\text{rebat}) &= \text{Keuntungan Tertanggung} \\ \text{Amaun Penyelesaian} &= \text{Baki Keseluruhan Harga Jualan} + \text{Ansuran Tertunggak} - Ibra' \end{aligned}$$

9. Adakah saya perlu mengambil perlindungan Takaful?

Pelanggan perlu untuk mengambil Skim Takaful Kredit bagi melindungi jumlah keterhutangan di bawah kemudahan pembiayaan yang diberikan. Pembayaran boleh dibuat melalui potongan daripada jumlah kemudahan pembiayaan. Namun begitu, pelanggan adalah bebas untuk menggunakan perkhidmatan Takaful bukan panel. Walau bagaimanapun, bagi menjaga kepentingan Bank dan pelanggan pelantikan Takaful panel adalah amat digalakkan.

10. Apakah risiko utamanya?

- Tindakan undang-undang akan diambil jika anda gagal untuk menjelaskan keterhutangan selepas notis tuntutan dikeluarkan oleh pihak kami. Anda perlu menanggung kesemua kos yang terlibat.
- Sekiranya pelanggan tidak membalas e-mel, faks atau mana-mana medium akad yang dinasihatkan oleh pihak Bank, pelanggan berisiko untuk gagal memperolehi kemudahan pembiayaan sebagaimana yang dipohon. Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab pelanggan untuk menjawab akad tersebut melalui medium akad yang telah dinasihatkan oleh pihak Bank.

11. Adakah saya memerlukan jaminan atau cagaran?

Tiada cagaran yang diperlukan oleh Bank.

12. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kepada pihak kami tentang sebarang perubahan dalam butiran peribadi anda untuk memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Untuk mengemas kini maklumat perhubungan anda, sila hubungi:

• Tel : 1-300-88-2476

• Faks: 603-2691 7790

• E-mel : customer@agrobank.com.my

13. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan membuat aduan?

- Jika anda mempunyai sebarang masalah dalam menjelaskan pembayaran anda, hubungi kami terlebih dahulu untuk membincangkan alternatif pembayaran balik.
- Anda boleh menghubungi kami atau kunjungi cawangan Agrobank berhampiran :
Agrobank, Bangunan Agrobank, Leboh Pasar Besar, Peti Surat 10815, 50726 Kuala Lumpur.
 - Tel: 1-300-88-2476
 - Faks: 603-2691 7790
 - E-mel: customer@agrobank.com.my
- Di samping itu, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), iaitu agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit dan penstrukturan semula hutang secara percuma bagi individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:
Tingkat 8, Maju Junction Mall, 1001, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur.
 - Tel: 1-800-22-2575
 - E-mel: enquiry@akpk.org.my
- Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh menghubungi kami di:
Agrobank, Customer Experience Department, Bangunan Agrobank, Leboh Pasar Besar, Peti Surat 10815, 50726 Kuala Lumpur.
 - Tel: 1-300-88-2476
 - Faks: 603-2691 7790
 - E-mel: customer@agrobank.com.my
- Jika soalan anda atau aduan tidak diselesaikan oleh kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:
Block D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur
 - Tel: 1-300+88-5465
 - Faks: 603-2174 1515
 - E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

14. Di manakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

Bagi mendapatkan maklumat lanjut atau sebarang pertanyaan, sila kunjungi cawangan Agrobank berdekatan, atau hubungi kami di:

Bangunan Agrobank, Leboh Pasar Besar, Peti Surat 10815, 50726 Kuala Lumpur.

- Tel: 1-300-88-2476
- Faks: 603-2691 7790
- E-mel: customer@agrobank.com.my

15. Sekiranya pelanggan berminat dengan program ini, apakah produk lain yang mungkin diminati /relevan kepada pelanggan tersebut?

- Agro MUS1M-i.
- Agromakanan PENJANA

MAKLUMAT LAIN

- Maklumat yang disediakan untuk Lembaran Maklumat Program ini adalah sah pada tarikh notis.
- Pelanggan dinasahati untuk meneliti segala risiko yang ada sebelum membuat keputusan untuk memohon kemudahan pembiayaan ini.
- Pelanggan perlu membalas e-mel, faks atau mana-mana medium akad yang dinasihatkan oleh pihak Bank sebagai medium akad jual beli untuk melengkapkan transaksi *Tawarruq*.

NOTA PENTING :

TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA GAGAL UNTUK MEMBUAT PEMBAYARAN BAGI PROGRAM PEMULIH NewBiz ANDA.

Penafian:

Terma-terma dan syarat-syarat di dalam Lembaran Maklumat Program ini adalah tentatif / petunjuk sahaja dan tidak mengikat pihak Bank. Terma dan syarat yang terakhir adalah seperti yang ditetapkan dalam Surat Makluman Tawaran dan Perjanjian Kemudahan yang perlu ditandatangani oleh pihak Bank dan Pelanggan selepas penilaian kredit dan pembiayaan diluluskan.

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 telah berkuatkuasa pada 15 November 2013. Sila hubungi cawangan terdekat atau layari www.agrobank.com.my untuk maklumat lanjut.

Saya / Kami dengan ini mengaku menerima dan memahami kandungan Lembaran Maklumat Program seperti yang telah diterangkan kepada saya/kami.		
Tandatangan	:	
Nama	:	
No. Kad Pengenalan	:	
Tarikh	:	